

KENYATAAN AKHBAR

MAKLUM BALAS LAPORAN AKHBAR HARIAN METRO

Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH) Jabatan Perdana Menteri ingin merujuk kepada laporan berita bertajuk "Tangan Terbelah Kerana Singki" yang disiarkan dalam Harian Metro bertarikh 23 Januari 2012 (Isnin).

Terlebih dahulu BPH ingin merakamkan rasa simpati terhadap peristiwa malang yang menimpa adik Ain Damia dan En Idrus Bin Ismail sekeluarga. Lanjutan kepada kejadian tersebut, BPH, JKR Putrajaya dan IKAZ Construction (Kontraktor Fasiliti yang dilantik untuk menyelenggara Kuarters Kerajaan Fasa C, Presint 8) telah menjalankan siasatan.

Berdasarkan kepada siasatan yang telah dijalankan, didapati kejadian yang berlaku (singki tercabut dan terjatuh) adalah disebabkan oleh usia singki yang telah lama (3 tahun) dan kegagalan singki tersebut menampung berat atau beban yang dikenakan ke atasnya secara eksesif.

Hasil daripada siasatan tersebut beserta temu bual dengan ibu bapa mangsa, kejadian tersebut berlaku pada 19 Januari 2012 jam 5.45 pagi ketika mangsa (adik Ain Damia) menggunakan tandas untuk mandi. Ibu dan bapa mangsa memaklumkan bahawa mangsa cuba untuk mengambil berus gigi lantas menekan singki tersebut dan seterusnya menyebabkan singki tersebut terjatuh.

Mangsa dilaporkan cuba menahan singki tersebut daripada jatuh. Namun demikian, usahanya itu gagal. Akibat daripada bebanan yang berat, singki tersebut jatuh dan menyebabkan luka pada urat jari telunjuk serta hampir mengakibatkan jari manis mangsa terputus.

Pada 24 Januari, sehari selepas kejadian tersebut dilaporkan dalam surat khabar, pihak JKR dan Kontraktor Fasiliti telah bertindak dengan segera membaiki dan menggantikan singki yang telah pecah dengan singki baru.

Selain daripada itu, singki yang digantikan itu juga disesuaikan dengan ketinggian mangsa untuk memudahkan mangsa menggunakan singki tersebut dengan selamat.

Keluarga mangsa telah dilawati oleh pegawai-pegawai kanan daripada JPM, BPH, JKR dan Kontraktor Fasiliti pada 24 Januari 2012.

Menerusi lawatan tersebut juga, bapa kepada mangsa mengakui beliau tidak membuat laporan terhadap kerosakan yang berlaku memandangkan Kontraktor Fasiliti terdahulu yang dilantik gagal melaksanakan pembaikan dengan berkesan. Walau bagaimanapun, kontraktor tersebut tidak disambung perkhidmatan mereka memandangkan rekod dan prestasi kerja yang tidak efektif dan responsif.

Dalam perkembangan yang sama, BPH bersama-sama dengan pihak JKR dan Kontraktor Fasiliti sentiasa berusaha sepanjang masa untuk menambahbaik sistem pengurusan dan penyelenggaraan kuarters sedia ada. Antara usaha-usaha yang dilaksanakan itu seperti:

- a. sedang dalam proses mewujudkan saluran aduan yang lebih efektif serta mengambil tindakan terhadap aduan dengan pantas;
- b. membuat pemeriksaan yang menyeluruh ke atas bangunan yang berusia 10 tahun ke atas; dan
- c. mengambil tindakan tegas termasuk menamatkan kontrak sekiranya kontraktor fasiliti yang dilantik gagal menjalankan tugas dengan berkesan.

Semua penghuni kuarters juga digalakkan membuat aduan sekiranya terdapat sebarang kerosakan sama ada kecil atau besar yang berlaku di bawah kuarters kendalian BPH menerusi saluran berikut :

- i. Pusat Panggilan Kwarters 03-8872 1111
- ii. Laman Web BPH di www.bph.gov.my
- iii. Laman Web Penyelenggara Kwarters di www.putrajayakuarters.com

Kenyataan Media ini dikeluarkan oleh :

Encik Norazman Othman,

Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Hartanah,

Jabatan Perdana Menteri.

Tel : 03-88800099

Lampiran A4 –Gambar

Gambar sinki yang telah diganti oleh Kontraktor Fasiliti yang dilantik.





Gambar di atas (kiri)

Lawatan Puan Hasnah Mohd Salleh, Timbalan Ketua Setiausaha JPM dan Ir. Anita Mohd Shafie, Jurutera JKR Putrajaya ke rumah mangsa pada 24 Januari 2012.

Gambar di atas (kanan dan bawah)

Singki yang digantikan disesuaikan dengan ketinggian mangsa yang siap diganti pada